



MEMO TIMBALAN DEKAN (P & I)

Kepada : Semua pensyarah Fakulti Komputeran & Informatik
Tarikh : 23 Julai 2024
Perkara : **PEMAKLUMAN BERKAITAN PERMOHONAN LANJUT GERAN DAN TEMPOH MAKSIMUM PERLANJUTAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan,

Pihak pejabat TDPI ingin memaklumkan beberapa ketetapan penambahbaikan syarat-syarat berkenaan permohonan lanjutan geran penyelidikan dalaman FKI untuk perhatian, makluman dan tindakan semua.

Berikut adalah syarat-syarat untuk permohonan perlanjutan geran penyelidikan dalaman:-

1. **Kemajuan (*progress*)** geran adalah melebihi **50% dan ke atas**
2. **Perbelanjaan (*Expenses*)** geran adalah **40% dan ke atas**
3. **Justifikasi** permohonan yang jelas dan munasabah
4. Permohonan lanjutan maksimum adalah **6 bulan sahaja** sepanjang tempoh geran KECUALI diberikan perlanjutan khas daripada pihak PPP.

Sehubungan dengan itu, perkara ini akan dikuatkuasakan diperingkat fakulti bermula pada **01 Julai 2024** dan berikut adalah pautan ke laman web rasmi Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) untuk menyemak garis panduan setiap geran dalaman UMS sebagai rujukan selanjutnya pihak YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan.

1. <https://www.ums.edu.my/ppp/index.php/grants-funds/research-funding/internal-grant>

Perhatian dan Kerjasama pihak YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

PROF. MADYA TS. DR. SAMSUL ARIFFIN BIN ABDUL KARIM
TIMBALAN DEKAN [PENYELIDIKAN & INOVASI]